# ANALISIS KATA KERJA TRANSITIF DAN TAK TRANSITIF DALAM PENULISAN BAHASA JEPUN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR MELAYU

NADIA SOH ABDULLAH

LAPORAN PENYELIDIKAN DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA PENGAJIAN BAHASA MODEN

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

MEI 2004

Perpustakaan Universiti Malaya
A511668681

**PERAKUAN TENTANG HASIL KERJA AKADEMIK**

Dengan ini saya, NADIA SOH ABDULLAH, No. Pendaftaran: TGAX 01012 mengaku bahawa Laporan Penyelidikan yang saya serahkan bertajuk *"ANALISIS KATA KERJA TRANSITIF DAN TAK TRANSITIF DALAM PENULISAN BAHASA JEPUN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR MELAYU"*merupakan hasil kerja akademik saya sendiri kecuali bahan-bahan atau petikan yang telah dinyatakan sumber asalnya.

Sekian, dimaklumkan.

Yang benar,

______________________

Nama: NADIA SOH ABDULLAH

10 Mei 2004

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti permasalahan yang timbul berkaitan dengan penguasaan kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun di kalangan pelajar-pelajar Melayu di Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya.

Tujuan utama kajian ini ialah mengenal pasti kesilapan penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif dan menjelaskan kesilapan tersebut. Kata kerja transitif dan tak transitif dijelaskan berdasarkan pendekatan nahu Teramura (1975). Dari klasifikasi yang dibuat, satu penelitian yang lebih terperinci dijalankan bagi mencari punca-punca yang menyebabkan berlakunya kesilapan berkenaan dan cadangan tentang cara-cara untuk mengatasi masalah pembelajaran juga diutarakan.

Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan kaedah ujian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa purata peratus kesilapan bagi keseluruhan soalan ialah 46.5%. Ini menunjukkan penguasaan pelajar terhadap kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun berada di tahap lemah.

Adalah diharapkan kajian ini dapat membantu pengajar merancang dan mengatur strategi pengajaran yang lebih efektif agar pelajar dapat menguasai penggunaan kata kerja transitif dan tak transitif bahasa Jepun dengan lebih mudah.

# ABSTRACT

The purpose of this study is to observe problems in the learning of transitive and intransitive verbs in the Japanese language among students at the preparatory programme of Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains in the university of Universiti Malaya.

The main aim of this study is to identify the transitive and intransitive verb errors and then to explain them. Transitive and intransitive verbs are explained based on Teramura's (1975) grammatical approach. Through the classifications of these verbs, a closer examination is made to find out the possible causes of errors and suggestions are given on ways to overcome these problems.

The collection of data is made through a written test. The findings of the studies reveal that the overall average percentage of errors is 46.5%. This proves that the students are poor in the learning of transitive and intransitive verbs in the Japanese language.

It is hoped that this study will benefit teachers in giving them a better insight into the teaching of transitive and intransitive verbs in the Japanese language and thus enable them to plan a more effective teaching strategy in the classroom.

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan kurniaNya penulisan laporan penyelidikan ini dapat disempurnakan.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Suraiya bt. Mohd. Ali, Timbalan Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik selaku penyelia saya yang telah banyak memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar untuk menjayakan penulisan ini. Saya berasa bertuah kerana di bawah bimbingan beliau saya beroleh banyak pengetahuan yang bukan sekadar untuk menyiapkan penulisan ini malah ianya menjadi inspirasi untuk saya meneroka dengan lebih mendalam lagi dalam kajian-kajian yang akan datang.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Cik Zubaidah bt. Ali yang banyak memberikan sumbangan ide dan menghabiskan masa dan tenaga dalam pengeditan penulisan ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Timbalan Pengarah, YB Prof. Datin Dr. Norhanom bt. Abdul Wahab, Pn. Zuraini Harun, Pn. Salmiza Samsudin dan para pelajar dari Ambang Asuhan Jepun yang memberi kerjasama dalam usaha menyudahkan laporan ini.

Tidak ketinggalan juga jutaan terima kasih kepada keluarga saya yang banyak memberi sokongan moral sepanjang saya menulis laporan penyelidikan ini.

Akhir sekali saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penulisan ini.



NADIA SOH ABDULLAH
Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya

# ISI KANDUNGAN


Abstrak ii
Penghargaan iv
Isi Kandungan v

**BAB 1 : PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan 1
1.2 Latar Belakang Kajian 5
 1.2.1 Pengajaran Bahasa Jepun di Malaysia 5
 1.2.2 Latar Belakang Bahasa yang dikaji 8
1.3 Pernyataan Masalah 9
1.4 Objektif Kajian 11
1.5 Kepentingan Kajian 12
1.6 Metodologi 12
1.7 Batasan Kajian 13
1.8 Penutup 13

**BAB 2 : KERANGKA TEORITIS**

2.1 Pendahuluan 14
2.2 Kata Kerja Transitif dan Tak Transitif 14
 2.2.1 Nahu Teramura 14
 2.2.2 Nahu Noda 18
 2.2.3 Nahu Tanaka 20
2.3 Analisis Kontrastif 23
2.4 Analisis Kesilapan 25
 2.4.1 Peringkat-Peringkat Kesilapan 27
 2.4.2 Jenis-Jenis Kesilapan 27
 2.4.3 Punca-Punca Kesilapan 28
2.5 Penutup 29

**AB 3 : METODOLOGI KAJIAN**


1 Pendahuluan 30

2 Sampel 31

3 Reka Bentuk Kajian 32

4 Prosedur Kajian 33

3.4.1 Instrumentasi 34

3.4.2 Pengumpulan Data 36

3.4.3 Kaedah Menganalisis Data dan Menginterpretasi Data 36

5 Penutup 38


**AB 4 : ANALISIS DATA**


1 Pendahuluan 40

2 Mengenal pasti Kesilapan 40

4.2.1 Peratus Kesilapan Secara Keseluruhan 40

4.2.2 Peratus Kekerapan Kesilapan 43

3 Klasifikasi Kesilapan 45

4 Menjelaskan Kesilapan 47

4.4.1 Kategori Kata Kerja *-u : -eru* dan *-eru : -u* (D1 dan D2) 47

4.4.2 Kata Kerja *-reru : -ru* (B2) 50

4.4.3 Kata Kerja *-aru : -eru* (A1) 51

4.4.4 Kata Kerja *-ru : -su* (C1) 55

4.4.5 Kategori Kata Kerja *-eru : -asu* dan *-u : -asu* (C2 dan C3) 57

.5 Penutup 59


**AB 5 : PENUTUP**


.1 Pendahuluan 60

.2 Rumusan Kajian 61

.3 Cadangan untuk Mengatasi Masalah Pembelajaran Pelajar 65

5.3.1 Kata Kerja Berpasangan 65

5.3.2 Kata Kerja dan Partikel 67

5.3.3 Kata Kerja Berpasangan yang Berkecuali 68
5.3.4 Kata Kerja dalam Konteks 71
5.3.5 Rumus Am Kata Kerja 73
5.4 Cadangan Penyelidikan Pada Masa Akan Datang 73
5.5 Kesimpulan 75

Senarai Jadual 76

LAMPIRAN A: Soal Selidik 77
LAMPIRAN B: Kertas Soalan Ujian 78
LAMPIRAN C: Kertas Jawapan 83
LAMPIRAN D: Surat Kebenaran 84

BIBLIOGRAFI 85